

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 2(38)

3 Februari 2014
3 Rabiul Akhir 1435

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 8/2014

PENUBUHAN PUSAT KEPIMPINAN AKADEMIK UTM (UTMLead)

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.2/2014 bertarikh 26 Januari 2014 telah bersetuju menubuhkan **Pusat Kepimpinan Akademik (UTMLead)**.

2. Tujuan penubuhan **UTMLead** adalah untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan aktiviti dan program pengajaran dan pembelajaran, dan program pembangunan profesional staf akademik. **UTMLead** terdiri daripada dua pusat iaitu Pusat Pengajaran & Pembelajaran (*Center for Teaching and Learning* atau singkatannya **CTL**) dan Pusat Kepimpinan Akademik & Pembangunan Profesional (*Centre of Academic Leadership and Professional Development* atau singkatannya **CALPD**). Ketika ini, pusat pentadbiran **UTMLead** adalah terletak di **CTL** (Blok F54).

3. Peranan dan tanggung jawab utama **UTMLead** adalah seperti berikut:

- a. Terus melaksanakan fungsi asal CTL.
- b. Menyediakan latihan kepimpinan akademik berkualiti meliputi aspek pengajaran & pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan pentadbiran akademik kepada staf akademik.
- c. Merancang dan mengurus program pembangunan profesional staf akademik meliputi Cuti Belajar, Cuti Sabatikal, Latihan Ikhtisas, *Post-Doctoral* dan Kelayakan Profesional.

4. Universiti juga telah bersetuju melantik **Prof. Dr. Mohd Salleh bin Abu** sebagai Pengarah Kanan untuk mengetuai **UTMLead** bagi tempoh dua tahun mulai tarikh penubuhannya.


...2/-

5. Sehubungan itu, semua staf diminta mengambil maklum mengenai perubahan ini dan segala urusan berkaitan seperti yang dinyatakan di atas hendaklah dimajukan kepada pejabat baharu **UTMLead** di Blok F54 berkuat kuasa dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN
Pendaftar

- s.k. - YBhg Naib Canselor
- YBhg Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- YBhg Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- YBhg Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
- YBhg Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
- Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan / Pengarah